

**Jangka dagangan lebih baik  
Utusan Online  
Februari 10, 2012**

KUALA LUMPUR 9 Feb. – Kerajaan Turki yakin rundingan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) dengan Malaysia akan dilaksana pada separuh pertama 2012.

Pelaksanaan itu sekali gus membuka persekitaran yang lebih baik bagi meningkatkan dagangan luar kedua-dua negara.

Ketua Pengarah Hal Ehwal Kesatuan Eropah, Kementerian Ekonomi, Republik Turki, Murat Yapici berkata, setelah FTA Turki-Malaysia dimuktamadkan, Malaysia akan menjadi negara ASEAN pertama yang memeterai FTA dengan Turki.

Katanya, setakat ini, Turki telah memuktamadkan FTA dengan 28 negara.

Beliau berkata, Turki dan Malaysia telah memulakan rundingan FTA sejak Mei 2010 dan sehingga kini telah melaksanakan tujuh pertemuan dengan kedua-dua pihak mencatat kemajuan dan persetujuan penting setakat ini kecuali mengenai perkara-perkara kecil yang masih belum selesai.

“FTA tersebut akan meningkatkan jumlah perdagangan dua hala dengan lebih seimbang dan berterusan dengan mempelbagaikan komposisi perdagangan.

“Selepas FTA mula berkuat kuasa, potensi eksport beberapa barangan industri kedua-dua negara seperti kenderaan bermotor, besi dan keluli, barangan tahan lama, tekstil dan kasut, wayar tembaga, plat aluminium, kepingan dan jalur, serta barangan pertanian yang dihasilkan oleh kami akan meningkat dengan ketara,” katanya.

Pada tahun 2011, eksport Turki ke Malaysia adalah sekitar AS\$182 juta (RM564.2 juta) manakala import berjumlah AS\$1.567 bilion (RM4.85 bilion).

Turki merupakan rakan kongsi FTA yang penting kerana negara itu terletak di persimpangan tiga benua dan menempatkannya sebagai pasaran penting dengan 75 juta penduduk.

Turki juga mencatatkan prestasi ekonomi yang cemerlang dan meraih kemajuan menyeluruh dalam integrasi dengan ekonomi global dan Kesatuan Eropah (EU) sejak tahun-tahun kebelakangan ini.

Pada tahun 2010, pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Turki adalah 8.9 peratus, seterusnya, menjadikannya ekonomi keenam terbesar di Eropah dan ke-16 terbesar di dunia menurut laporan Tinjauan Hadapan Ekonomi Dunia IMF 2010.

Walaupun Kesatuan Eropah (EU) merupakan rakan dagangan terbesar, Turki turut memberikan tumpuan kepada meningkatkan perdagangan dan hubungan ekonomi dengan negara-negara di Rantau Asia Pasifik, terutamanya Malaysia.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0210&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Ekonomi&pg=ek\\_01.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0210&pub=Utusan_Malaysia&sec=Ekonomi&pg=ek_01.htm)